



# Penyelidik UniMAP Rangkul 100 Peratus Kejayaan Di SIIF

Penyelidik Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) berjaya merangkul kejayaan 100 peratus pada Pameran Seoul International Invention Fair 2013 (SIIF) yang berlangsung COEX Hall, Korea Selatan pada 29 November hingga 2 Disember 2013 dengan membawa pulang tiga pingat emas, empat pingat perak dan dua pingat gangsa.

Pingat Emas disumbangkan oleh penyelidik muda UniMAP iaitu Liyana Jamaludin menerusi produk *Novel Multipurpose Geopolymer Coating* yang membabitkan penyelidik bersama Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah, Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Prof. Madya Che Mohd Ruzaidi Ghazali, Norazian Mohamed Noor, Rafiza Abdul Razak dan Zarina Yahya. Emas kedua disumbangkan menerusi produk Dr. Hakimah Osman bertajuk *Novel Natural Latex From Tapioca Tree* yang membabitkan penyelidik bersama Zunaida Zakaria, Norazura Abdul Rahim, Noor Marlyna Ismail dan Nur Firdaus Mohamed Yusof. Manakala pingat emas ketiga diraih oleh penyelidik berpengalaman UniMAP iaitu Prof. Dr. Uda Hashim beserta penyelidik bersama Hasrul Hisham Bin Che Ahmad dan Jasni Bin Mohamed Ismail melalui produk *Bench-Top Inee Mask Aligner System For Teaching And Research*.

Sementara itu, pingat perak disumbangkan oleh Dr. Sam Sung Ting beserta penyelidik bersama Dr. Nik Noriman Bin Zulkepli, Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Muhammad Salihin Zakaria, Lokman Hakim Ibrahim, Ahmad Azrem Azmi, Syed Mohd Asri Syed Abu Bakar dan Mohd Syukry Othman melalui produk *ENVIMEP – A New Generation Of Green Pallet*. Pingat Perak seterusnya di sumbangkan oleh Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid melalui produk *A Novel MDW-OCDMA System Using Single Photodiode Detection (SPD) Technique For Industrial Applications*. Produk ini membabitkan penyelidik bersama Hamza Mohammed Ridha Al-Khafaji, Ir. Dr. Anuar Mat Safar, Dr. Amir Razif Arief Jamil Abdullah, Dr. Hilal Adnan Fadhil, Mohd Rashidi Che Beson serta Abdullah Omar Ali Al-Dhaibani.



Produk daripada Dr. Supri A. Ghani iaitu *Cellulose Methacrylate (CM) as New Binder for Water Hyacinth Paper* yang membabitkan penyelidik bersama iaitu Prof. Madya. Dr. Salmah Husseinsyah dan Tan Soo Jin turut menyumbang perak dalam pertandingan yang berprestij ini. Pingat Perak keempat disumbangkan penyelidik muda UniMAP iaitu Wong Yee Shian beserta penyelidik bersama Dr. Ong Soon An, Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Nabilah Aminah Lutpi, Norazian Mohamed Noor dan Prof. Madya Dr. Khairul Nizar Ismail melalui produk *Lateric Soil Biocoagulant*.

Pingat gangsa disumbangkan melalui produk *Novel Hybrid FiWi OCDMA System Using MDW Code for Future Broadband Access Network* hasil penyelidikan Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid dan Penyelidik Bersama iaitu Abdullah Omar Ali Al-Dhaibani, Dr. Amir Razif Arief Jamil Abdullah, Ir. Dr. Anuar Mat Safar, Junita Mohd Nordin, Mohd Rashidi Che Beson dan Dr. Hilal Adnan Fadhil. Sementara produk ciptaan Dr. Haftirman iaitu *Micro Fatigue Testing Machine* beserta penyelidik bersama Ahmad Syayuthi Abdul Rahman turut menyumbang pingat gangsa di dalam pertandingan tersebut.